

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk membaik pulih hospital yang uzur di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Dalam hal ini, KKM mengambil pendekatan **3R (Repair, Replace, Restore) dalam Rancangan Malaysia Ke-12** secara berterusan untuk menaik taraf peralatan perubatan dan fasiliti kesihatan yang usang dan uzur. Langkah ini merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan sebagai usaha untuk meningkatkan aspek keselamatan pesakit, kakitangan dan fasiliti kesihatan sedia ada.

2. Sepanjang Rancangan Malaysia ke-11, **sehingga bulan Oktober tahun 2020, sebanyak 17 buah hospital telah siap dibaik pulih dan dinaik taraf.** Antara hospital yang terlibat ialah Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak serta Jabatan Kardiologi Hospital Ipoh, Perak, Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor dan Pembinaan Blok Psikiatrik Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu.

3. Manakala sebanyak 32 buah hospital lagi kini sedang dibaik pulih dan dinaik taraf. Antara hospital yang terlibat ialah Pembinaan *Multi Storey Block*, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, Pembinaan Kompleks Endokrin Hospital Putrajaya, W.P. Putrajaya dan Naiktaraf Hospital Tawau, Sabah.
4. Di samping itu juga, Kementerian ini sedang merangka **Inisiatif Baik Pulih dan Naik Taraf Hospital Lama KKM**, khususnya dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran. Inisiatif ini melibatkan 47 buah hospital lama, dan akan dijalankan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan Kerja-Kerja Awalan bagi 21 buah Hospital Lama, manakala Fasa 2 pula akan melibatkan 26 buah Hospital Lama selainnya. Fasa 1 dijadualkan akan dimulakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 pada tahun hadapan.

Sekian terima kasih.